

DR. MAHATHIR (anak panah) bergambar kenangan semasa di Universiti Malaya, Singapura pada 1948-1953.



DR. MAHATHIR (berdiri di kiri sekali) bersama keluarganya di rumahnya di Jalan Kilang Ais, Alor Star, Kedah.

# Semangat patriotiknya terserlah sejak kecil

# Mak Bee menilai adiknya

UM 31/10/2003 - 5 PRECISE

Oleh SITI MARIAM MD. ZAIN

**"K**ALAU dia nak buat sesuatu, dia akan buat. Bila ada sesiapa yang kata jangan, dia akan tanya balik, pasal apa jangan, sebab dia kata dia boleh buat," kata Habsah Mohamad.

Malah beliau yang lebih mesra dengan panggilan Mak Bee, 87, berkata, sikap yang ditunjukkan oleh adik bongsunya itu berterusan sehinggalah beliau menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO sejak 21 tahun lalu.

"Mungkin kerana sikap yakin dengan kebolehan diri sendiri itu dia dapat menjadi pemimpin selama ini," ujarnya lagi.

Mak Bee yang merupakan anak kelima daripada sembilan beradik (lima lelaki dan empat perempuan) berkata, selain tegas, adiknya itu seorang yang kuat bekerja.

"Dia akan buat sesuatu sampai dia rasa puas hati, macam mana susah pun, dia akan usaha sampai boleh buat, itu memang sikap dia dari kecil," katanya sambil tersenyum memandang Dalam pertemuan petang itu, Rafeah atau panggilan Mak Teh yang sentiasa tersenyum, tidak banyak memberikan pendapat tetapi lebih suka mengikuti dan mendengar perbualan kami.

Ketika ditemui, Mak Bee dan Mak Teh yang menetap di bawah satu bumbung di rumah teres dua tingkat di Taman Malid, Alor Star, Kedah, baru sahaja lepas menunaikan solat Zohor.

Walaupun kesihatan kurang mengizinkan, namun kedua-dua mereka tetap memberikan layanan istimewa ketika dikunjungi.

Menurut Mak Bee, beliau tidak pernah menyangka bahawa adik paling kecilnya itu akan menjadi pemimpin nombor satu negara.

Katanya, walaupun kini, hanya mereka berdua sahaja saudara kandung yang tinggal kepada Dr. Mahathir, namun Dr. Mahathir tidak suka bercerita hal-hal yang menyentuh tugas politiknya.

"Kalau ada cerita tentang dia, kami hanya dapat tahu daripada orang lain atau baca surat khabar, nak tunggu dia memang dia tak cakap," kata Mak Teh senyum lagi, sambil menatap akhbar yang kebetulan ada di tangannya.

Prinsip yang dipegang oleh



DR. MAHATHIR terkenang zaman kanak-kanaknya semasa bersandar di tiang beranda rumah kelahirannya di Jalan Pegawai, Alor Star.


Dr. Mahathir jelas apabila keputusan untuk mengundurkan diri daripada jawatan penting negara juga tidak dimaklumkan kepada kedua-dua kakaknya itu.

Mak Bee yang lebih banyak berperanan dalam menjawab soalan-soalan yang diajukan berkata, semangat Dr. Mahathir dalam memperjuangkan nasib orang Melayu telah terserlah sejak beliau masih di bangku sekolah lagi.

Perkara cukup dibenci beliau ialah bila ada pihak tertentu yang suka atau sengaja memperbodoh-bodohkan orang Melayu.

"Dulu semasa zaman Jepun, semangat dia cukup tinggi, dia marah dengan Jepun sebab bila askar Jepun masuk Tanah Melayu, ramai orang Melayu hilang kerja," sambung beliau.

Ketika zaman penjajahan negara matahari terbit itulah, Dr. Mahathir terpaksa berhenti sekolah sebaliknya mencari rezeki untuk menyara keluarga dengan menjaja kuih yang dibuat oleh ibunya, Wan Tempawan Wan Hanafi, di Pekan Rabu.



DR. MAHATHIR semasa kecil (dua dari kiri) bergambar bersama keluarganya di Alor Star.

Hakikatnya, semangat patriotik yang wujud dalam diri Dr. Mahathir atau di kalangan keluarga dan sahabat handai memanggil beliau 'Che Det,' dapat dilihat jelas sewaktu British membuat keputusan memperkenalkan Malayan Union (MU).

### Kesan

Antara tugas penting dilakukan oleh Dr. Mahathir yang ketika itu merupakan pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid (menyambung semula pengajian selepas pengunduran Jepun) ialah menyedarkan orang Melayu tentang kesan dan keburukan pelaksanaan MU.

Beliau sanggup menghabiskan masa, tenaga dan wang untuk memberi ceramah selain menulis poster dan menampalnya sendiri di tempat-tempat strategik di seluruh bandar Alor Star.

Apa yang penting bagi Dr. Mahathir ialah menimbulkan semangat kepada orang Melayu untuk terus mempertahankan masa depan institusi raja-raja dan tanah air yang dicintai.

Keikhlasannya dalam memperjuangkan nasib dan masa depan orang Melayu tidak dapat dinafikan kerana ia turut diiktiraf oleh pemimpin terulung pada masa itu, Datuk Onn Jaafar.

Hasil kepada usaha itu terbukti apabila Datuk Onn dalam satu perhimpunan yang diadakan di Padang Court, Alor Star, telah memberi gelaran orang Melayu Kedah sebagai 'tulang belakang orang Melayu Semenanjung Tanah Melayu.'

Menurut Mak Bee lagi, walaupun Dr. Mahathir amat berpegang kepada prinsip dan tegas dalam menjalankan tugas, sebagai adik, beliau tidak membelakangkan soal kebajikan mereka.

"Dia memang seorang yang pendiam tapi pandai mengambil hati dan sangat menghormati orang yang lebih tua," katanya.

Hari ini, insan bernama Dr. Mahathir bukan sahaja berjaya sebagai seorang pemimpin yang dikagumi di kalangan kelompok masyarakat Melayu itu sendiri, malah kewibawaan dan idea-idea bernas yang dilontarkan turut diiktiraf di peringkat dunia terutamanya menyedarkan pemimpin negara-negara Islam lain.

DR. MAHATHIR bermesra dengan abang dan kakaknya Mashahor, 78, Habsah, 87 dan Rafeah, 89 (kanan) di Jalan Pegawai Alor Star.

DR. MAHATHIR disambut oleh kakaknya, Habsah sekembalinya beliau dari lawatan rasmi ke tiga buah negara Amerika Selatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.



### PESANAN DR. M

BURUH yang mencuci longkang dan memotong rumput mempunyai peranan seperti jugalah menteri dan pegawai tinggi. Memang tanggungjawab berbeza, tetapi mandur tanpa buruh dan anak buah tidak akan menjayakan apa-apa.

● Majlis penyampaian Anugerah Akhbar Malaysia 1981 pada 28 November 1982 di Kuala Lumpur.



TENAGA NASIONAL